

MENCAPAI KETINGGIAN DUNIA AKHIRAT

PERANGAI BERGANTUNG KEPADA DIRI SENDIRI

1

Kewajipannya bagi Mendapat Kejayaan

Firman Allah Taala di dalam Al-Quran (al-lazina khalqa al-maut wa al-hayat liyabluwakum ayyukum ahsana: Surat Al-Mulk ayat 2) ertinya:

“Tuhan yang telah menjadikan hidup dan mati kerana ia hendak menguci, mencuba, kamu siapakah daripada kamu yang terlebih baik kerjanya.”

Kehidupan kita dalam dunia ialah kehidupan beramal dan bekerja, kehidupan berjuang dan berlawan-lawan seperti dapan perlumbaan.

Tiap-tiap seorang hendaklah menjalankan bahagiannya sendiri dengan tidak bergantung kepada orang akan menjalankannya, atau berharap kepada pertolongan orang akan menyempurnakannya. Ia sendiri mestilah berasa bertanggungjawab sendirinya bagi menyempurnakan kewajipan dirinya dan tanggungan dirinya dalam perjuangan dan perlumbaan itu. Maka yang akan menang dalam perlumbaan itu hanyalah orang yang tetap tekun dan sabar menjalankan kerja-kerja kewajipannya itu dengan bergantung kepada ikhtiar dan daya upaya dirinya sendiri serta memohon hanya pertolongan Allah.

OLEH ZA‘BA

Maka yang dikatakan perangai bergantung kepada diri sendiri itu ialah scorang berbuat sendiri akan barang apa-apa kerjanya dan menimbang sendiri akan barang apa-apa halnya, dan bersedia menanggung sendiri segala buruk baiknya apa-apa yang dikerjakannya itu, dengan tidak ia berhajat kepada sesiapa-sesiapa pembantu akan membantunya atau sesiapa-sesiapa rakan akan menyokong dan menyertai dia dalam kerja-kerja itu – asalkan kerja-kerja itu dan hal-hal itu bukan daripada jenis yang wajib berkehendakkan pertolongan dan bantuan orang. Sungguhlah ada beberapa banyak perkara yang manusia ini berhajat. Bahkan disuruh kepada berbantu-bantuan dan bertolong-tolongan. Tetapi ialah perkara-perkara yang tidak boleh membangkitkan pada dirinya perangai suka bertukul sahaja semata-mata., dan tidak pula yang sekira-kira boleh menjadikan dia orang pemalas apabila ia menadpat pertolongan orang lain dalam hal itu. Adapun jika perkara yang bukannya daripada jenis berkehendak kepada berbantu-bantuan, maka wajiblah ia sendiri mengerjakannya dengan tidak berharap kepada pertolongan orang lain.

Perangai bergantung kepada diri sendiri ini (yang disebut dalam bahasa Arabnya al-‘itimad ‘ala an-naf) tidaklah ada disebutkan dengan tepat di dalam Quran atau Hadith; tetapi boleh difahamkan dia daripada segala amar dan nahi yang dihadapkan oleh ajaran agama Islam kepada kita manusia. Dan memang ada terkandung maksudnya dalam segala amar dan nahi itu bahkan segala amar dan nahi yang diucapkan dalam Quran dan diterangkan dalam

Hadith adalah sememangnya ditujukan kepada diri kita masing-masing tiap-tiap seorang sendirinya. Dan memang tujuannya untuk membaikkan perangai dan budi pekerju manusia. Maka perangai bergantung kepada diri sendiri ini tiada syak lagi ialah satu daripada sifat-sifat perangai yang mulia yang termasuk dalam perkataan Hadith “makarima al-akhlak”. Oleh itu nyatahlah ia satu daripada perkara yang dimaksudkan mesti terbit daripada ajaran amar dan nahi agama Islam itu dan satu daripada sifat-sifat keperanganian yang hendak disempurnakan pada manusia dengan jalan dibangkitkan Nabi kita (SAW) membawakan ajaran Islam.

Satu daripada ayat-ayat Quran yang boleh difahamkan daripadanya tujuan demikian itu ialah yang telah disalinkan pada permulaan tadi, ertinya: “Tuhan yang telah menjadikan hidup dan mati kerana Ia hendak menguji kamu, siapakah daripada kamu yang terlebih baik kerjanya.” Maka nyatahlah “kerja” itu “kerja” yang dibuat oleh diri masing-masing orang sendirinya. Bukan kerja yang diharapkannya kepada orang lain membuatkan atau memberi pertolongan. Demikian lagi firman Allah Taala (wa al-‘asr * inna al-insana lafi ghusr * illa al-lazina amanu wa ‘amilu as-solihat: Surat Al-‘Asr ayat 1-3) Ertinya: “Demi masa bahwasanya manusia itu tentulah dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal yang baik.” Maka nyatahlah “beriman” atau “percaya” itu dimaksudkan bahawa diri orang itu sendiri yang beriman dan percaya, tidak terpakai jika orang lain yang beriman kerananya. Demikian pula tentang mengerjakan amal-amal yang baik itu.

Pendeknya ayat-ayat ini sahlah maksudnya bahawa kita dikehendaki sendiri bekerja membuat apa-apa yang disuruhkan dan menjauhi apa-apa yang dilarangkan itu, tidak boleh dipindahkan tanggungan itu kepada orang lain atau digantungkan harapan kepada orang lain akan menolong mengerjakannya. Demikianlah juga dalam segala ayat-ayat suruh dan larang yang lain-lain dalam Quran dan dalam segala Hadith Nabi kita fasal itu. Bahkan dalam contoh kehidupan Nabi kita sendiri pun, patinya buatlah sendiri, kerjakan sendiri, jangan harapkan orang dan jangan tanggungkan kewajipan diri kita kepada orang lain.

Perangai bergantung kepada diri sendiri itu ialah akar tunjang umbi, dan punca kepada segala kejayaan dan asas tempat berdiri segala kemajuan naik dan segala kemenangan: Perangai itu tetap menggalakkan siapa-siapa yang berperangai dengannya bekerja keras, dan tetap akan memihak dia kepada berusaha dengan cergas dan bersungguh-sungguh. Perangai itu membunuh daripada orang itu akan dabit suka bertukul atau berserah diri semata-mata, iaitu suatu tabiat yang sentiasa menjadikan orang jauh ketinggalan di belakang dan menjatuhkan mutu mereka dan merendahkan hal kehidupan mereka.

Maka wajiblah atas seseorang itu menjalankan segala kerjanya sendiri dan menyempurnakan segala kewajipan sendiri dan jangan ia berharap kepada orang lain; melainkan hendaklah ia bergantung kepada dirinya sendiri sahaja dengan memohon taufik dan pertolongan hanya kepada Allah Tuhan yang mengatur sekalian perkara. Kerana seperti kata gurindam bidalan Melayu:

“Berharap kepada anak, buta mata sebelah;

Berharap kepada orang, buta mata keduanya:

Apa-apa hal pun baiklah buat sendiri.”

Dan kata ahli syair Arab pula:

Ma haka jaladuka mislun tafrik * Fatulun anta jamian amrak

Ertinya:

“Tidak ada yang bolch menggaru gatal kulit engkau sama seperti kuku engkau sendiri;

Sebab itu buatlah olehmu sendiri segala kerja tanggungan engkau.”

Dan kata pensyair Arab yang bernama Al-Tughrai (Al-Tughrai)

(Tahun Hijrah 453-515) itu pula:

Finnama rajulun ad-dunya wa wahiduha * man la ya’ulu fi ad-dunya ‘ala rajulin

Wa qul man ‘asya fi ad-dunya ‘ala amil * wastanjid al-jad al-afaz bi al-amil

Ertinya:

“Bahawa sesungguhnya hanyalah lelaki dunia dan anak tunggal dunia itu

Ialah orang yang tiada berhadap dalam dunia ini kepada sesiapa-sesiapa orang lain

Jarang orang yang hidup dalam dunia ini jika berpegang kepada harapan.

Dan kemudian pengambil pertolongan daripada perangai bersungguh-sungguh –

Jaranglah orang demikian yang tidak mendapat seperti harapannya itu.”

Dalam pada itu tidaklah pula menjadi kesalahan atau sifat kekurangan jika kita meminta panduan dan nasihat kepada orang yang lebih akalnya dan yang bijak fikirannya. Walau sesiapa jua asalkan dipercayakan ia sentiasa berkata benar dan tulus ikhlas pada segala perbuatannya, kerana dengan jalan demikian nescaya seorang dapat menambahkan akal-akal yang lain kepada akalnya sendiri, dan mengumpulkan fikiran-fikiran yang lain kepada fikirannya sendiri. Hanya tidaklah si kaya ia berbuat demikian hingga kepada had yang menjadikan dia gelisah dan lemah; jika diperbuatnya sampai begitu nescaya hilanglah kesan dirinya dan lucut kekuatannya dan kecergasanannya.

Perangai bergantung kepada diri sendiri itu ialah di antara sebab-sebab yang memanabawa ketinggian umat dan kemajuannya. Maka apabila terdapat pada suatu bangsa banyak orang yang perangainya kuat bergantung kepada dirinya sendiri dan tidak hendak bersokong kepada penyertaan orang lain bagi mendirikan dia, nescaya majulah mereka dan negeri mereka pun majulah bersama-sama dengan sebab kuat usaha mereka dan bersungguh-sungguh segala kerja mereka itu. Mereka sendiri naik tinggi dan negeri tanah air mereka pun naik tinggi bersama-sama: Mereka menjadi besar dan mulia dan bangsa mereka pun naik besar dan mulia dengan sebab mereka itu.

Sesuatu negeri dan bangsa menjadi naik atau turun menjadi maju atau ketinggalan ialah semua itu terikat sebabnya kepada sifat-sifat keadaan diri tiap-tiap seorang tunggalnya yang menjadikan bangsa itu atau yang menduduki negeri itu – terutama sifat keadaan bagaimana kuatnya tiap-tiap scorang mereka itu memegang dan mengamalkan perangai bergantung kepada diri sendiri ini. Kerana yang dikatakan “bangsa” itu ialah suatu tubuh yang terjadi daripada perhimpunan diri-dirinya tunggalnya. Maka diri-dirinya tunggal yang bekerja dengan usaha yang kuat dan cergas apabila banyak bilangannya dalam bangsa itu tetaplah akan menjadikan bangsa itu kuat dan cergas pula. Tetapi diri-dirinya tunggal yang malap dan lemah usahanya, apabila ramai adanya tetaplah pula akan melemahkan bangsanya itu, maka jika dicabut dihapuskan dari akar umbinya sifat-sifat perangai mereka yang menjadikan malap dan lemah ini, dan dibunuh buang habis segala kuman-kuman yang mencederungkan mereka jadi lembab, lembik, lesu, dan mengantuk itu, nescaya tubuh bangsa itu akan tumbuh dengan subur dan sihat, tegap dan segar, kuat dan gagah dengan keadaan demikian dapatlah ia kelak mengingkatkan dirinya baik kepada kemuncak ketinggian dan kesempurnaan.

Tiap-tiap scorang daripada orang-orang sesuatu bangsa yang bekerja masing-masingnya oleh sebab ia kuat bergantung kepada diri sendiri dan percaya akan kebolehan sendiri. Adalah bekerja bagi kejayaan bangsa itu dan kemajuannya, bagi kenaikkannya dan kemakmurannya. Barang apa yang memberi manfaat kepada dirinya adalah memberi manfaat juga kepada bangsanya

dan barang apa yang mudharat kepada dirinya tetaplah memberi mudharat pula kepada bangsanya. Maka tidaklah ada perbezaan pada perkara ini di antara kuli yang kecil dan hina dengan raja yang besar menduduki istana singgahsana. Bahkan jika tidak ada orang kecil itu tentulah tidak boleh ada raja dan orang besar, dan jika kedua-duanya orang kecil dan orang besar itu tidak ada, maka tidaklah boleh ada bangsa.

Sebaliknya pula tiap-tiap seorang daripada orang-orang sesuatu bangsa yang tidak bergantung kepada dirinya sendiri ialah kerana lemah kepercayaannya kepada dirinya sendiri itu. Maka tidaklah ia dapat memenuhi kewajipannya dengan menggunakan sepenuh-penuh tenaganya beramal dan berusaha bagi mendapat kemenangan dalam perlumbaan hidup. Kerana pada apa-apa perkara pun ia sentiasa dengan mudah memikirkan dirinya lemah, tiada berdaya upaya, tiada mampu masuk perlumbaan, dan tiada percaya akan dapat berjaya dalam perlumbaan itu jika tidak ditolong orang; “Jika tidak ditolong orang”! – Itulah suatu syarat yang sangat keji dan membawa hina! Gikiran dan perasaan demikian ini ialah tiada bergantung kepada diri sendiri namanya kerana tiada percaya akan kebolehan diri sendiri itu. Kehasilannya hanyalah menjadikan orang yang berperasaan demikian ketinggalan di belakang, dan apabila banyak bilangan mereka yang seperti itu, maka bangsa mereka pun jadi ketinggalan pula di belakang, dan mereka lah sebabnya menjadikan demikian bersama-sama segala orang lain yang seperti mereka juga.

Pendeknya keadaan mereka yang berperasaan lemah demikian itu – mereka yang tiada bergantung kepada dirinya sendiri dan tiada percaya kepada kebolehan diri sendiri – hanya akibatnya merendahkan darjah dirinya sendiri jua; dan dengan demikian mereka menyekat dan menggalang, bukannya diri mereka sahaja tetapi bangsa mereka juga daripada beroleh kemajuan dan kejayaan dalam perlumbaan hidup. Maka tertinggallah mereka di tempatnya itu juga tiada naik-naik – jika berkoli maka berkulilah juga scumur hidup; jika mendapat kehidupan dengan berjual kuih makan dengan berjual kuih itulah juga mereka kais pagi makan pagi dakais petang makan petang, hingga akhirnya umurnya dan anak-anak mereka kelak akan mengikutlah juga begitu hingga turun temurun – jadi “juga cerita”, jadi “Loafer” dan jadi “kutu embun”. Tiada terlintas di hati ibu bapanya memikirkan yang budak-budak itu boleh dijadikan baik dan dibawa naik kepada tingkat yang lebih tinggi jika ibu bapa itu sendiri berazam, bertugas, berikhitar, berusaha, berjimat, cermat, dan berikit-dikit kerana hendak memberi anak-anak itu pelajaran yang layak bagi kemajuan.

Maka oleh sebab ramai mereka yang demikian ini jadi bangsa mereka pun terkandaslah dan terhalang daripada mendapat kemajuan pula. Pada halo rang-orang bangsa lain yang percaya akan kebolehan dirinya dan kuat bergantung kepada dirinya itu sendiri – umpamanya sentiasa berusaha dan berikhitar, belajar dan berniaga – telah beberapa jauh lepas kehidupan serba serbinya dalam perlumbaan hidup di dunia ini.

Sekalian yang telah kita perkatakan sejauh ini ialah peri kewajipan bergantung kepada diri sendiri pada perkara amalan dan kerja-kerja bagi mendapat kejayaan dan kemenangan di dunia. Tetapi bagi kejayaan dan kemenangan akhirat pun begitulah juga yang dikehendaki tiap-tiap seorang berbuatnya. Ia diwajibkan beramal dan beribadah sendiri dengan usaha dan tenaganya sendiri – tidak pernah disuruh ia mengira dirinya itu mesti bergantung kepada doa orang sahaja atau kepada “fidyah” yang dibuatkan orang sahaja bagi mendapatkan kejayaan dan keselamatannya di akhirat: atau mesti berharap kepada sedekah tahlil dan bacaan-bacaan Qul huwa Allah orang sahaja apabila telah matinya kelak. Bahkan ia tidak pernah digalakkan mesti berharap kepada syafaat Nabi SAW sekalipun akan melepaskan dia daripada neraka: Ia mesti beramal sendiri, mesti bertaqwa sendiri, mesti menjaga suruh larangan Tuhan pada segala perkaryanya sendiri: Mesti mengerjakan sendiri dengan sedapet-dapatnya barang apa-apa jua yang kebajikan dan mesti menjauhi sendiri dengan sedapet-dapatnya pula barang apa-apa jua yang kejahanatan: Ia mesti sedia akan menanggung segala buruk baik perbuatannya yang dilakukannya dalam kehidupan di dunia ini apabila ia berharap dengan penghakiman Tuhan di negeri akhirat kelak, dan mesti jangan sekali-kali menggantungkan harapannya untuk mendapat kejayaan dan keselamatan di akhirat itu semata-mata kepada pertolongan orang yang tinggal di dunia ini, bahkan walau kepada pertolongan “wali” dan “karamah” sekalipun:

Firman Tuhan di dalam Quran (*am lam yunabba bima fi suhu fi musa **
*wa ibrahima al-lazi waifi * Alla ta'zirru wa ziratun wizra ukhra * wa an laisa*
*li al-insan illa ma sa'a * wa anna sa'yahu saufa yura * tsamma yujzahu al-jaza'*
al-aufa: Surah An-Najm 36-41) ertinya “atau tidakkah dia telah diberi khabar akan apa yang ada disebutkan dalam kitab-kitab (yang telah diturunkan kepada) Nabi Musa * dan (dalam kitab-kitab kepada) Nabi Ibrahim yang telah menyempurnakan janjinya itu * iaitu bahawa sesuatu diri yang memikul beban tidak sekali-kali akan memikul beban diri yang lain * dan bahawa manusia tidak akan mendapat apa-apa selain daripada apa yang diusahakannya sendiri * dan bahawa (bawah) usahanya itu segera juga akan dilihati * kemudian ia akan diberi balasan kerananya dengan balasan yang sepenuh-penuhnya” dan pada tempat lain pula firman-Nya (*wala ta'ziru wa ziratun ukhra * wa in tad'u muts'halatun ila himliha la yuhmal*
minhu shaiun walau kana dzagurba : Surat Fathir 18) ertinya “dan tidak sekali-kali sesuatu diri yang ada memikul bebananya sendiri akan memikul beban diri orang lain; dan jika lau sesuatu diri yang sedang keberatan menyeru orang lain pada bebananya itu (minta tolong pikulkan) tidaklah akan ditolong pikulkan barang sedikit juga pun daripadanya (oleh orang lain itu) walaupun ia bersaudara karib dengannya” dan pada tempat lain lagi firman-Nya (*fayama la tazlamu nafsun shaiun wa tajzauna illa*
ma kuntum ta'malun : surat Yaasin 54) ertinya “maka pada hari itu tidak ada sesuatu diri akan terzalim barang sedikit juapun, dan kamu sekalian tidak akan diberi balas selain daripada apa yang kamu telah kerjakan lebih dahulu.”

Demikianlah yang dikatakan sifat bergantung kepada diri sendiri itu – iaitu bukan terkhas kepada amalan-amalan dan usaha tenaga untuk kejayaan dan kemenangan dunia sahaja, tetapi samalah juga demikian pada amalan-amalan yang ditujukan untuk kejayaan dan kemenangan di akhir pun: Ayat-ayat “memikul beban” yang diberi di atas tadi tidak tertentu perkataannya. Dimaksudkan bagi amal dunia atau amal akhirat sahaja, tetapi boleh terpakai bagi kedua-duanya dunia dan akhirat sekali, bahkan memang sengaja diumumkan Tuhan perkataan kerana maksud demikian itu,

Adapun ajaran berkenaan dengan syafaat Nabi memang ada tersebut dalam beberapa banyak Hadith: Tetapi nyatalah iaitu sekaliannya dimaksudkan bagi memberi harapan kepada orang yang tiada harapan lagi daripada dirinya sendiri – orang yang memang jatuh darjah kebolehannya tatkala hidup di dunia ini dan tiada upaya berusaha sendiri menaikkan dirinya dengan amal dan tenaganya sendiri hanya terpaksa mendah berharapkan pertolongan orang lain sahaja. Kejadian yang demikian memang ada berlaku dalam hal ewal kehidupan manusia di dunia ini pun maka, begitulah juga boleh terjadi dalam hal ewal kehidupan di akhirat. Dalam kehidupan di dunia ini memang ada didapat orang yang tiada tahu bergantung kepada kudrat kebolehannya sendiri, dan ada pula orang yang sengaja suka menjadi “kutu di atas kepala” berharapkan hidupnya kepada kelimpahan dan kemurahan orang lain yang lebih daripada dirinya sahaja, tetapi setengahnya orang yang demikian ialah sebenarnya tiada mempunyai daya upaya sendiri lagi, melainkan terpaksa bergantung kepada rahmah dan pertolongan orang yang mampu memberi pertolongan. Maka demikian juga pada masa penghakiman Tuhan di akhir kelak, dan bagi orang yang demikianlah dimaksudkan kebolehan Nabi SAW memberi syafaat itu jika ada syarat-syarat yang melayakkannya mendapat syafaat.

Akan tetapi jika “semuanya” orang Islam hendak jadi begitu – hendak masuk syurga dengan jalan syafaat dan permohonan Rasulullah sahaja menolongnya, bukan dengan jalan amal sendiri atau dengan jalan kelayakan sendiri dari sebab amalnya itu – nescaya tentulah akan memberi malu yang besar kepada Rasulullah hendak memohon ke hadrat Tuhan; kerana jika demikian bermaknalah bahawa orang-orang umatnya bangsat belaka, tiada mempunyai amal dan kelayakan sendiri! Tidakkah menjadi aib jika semuanya atau kebanyakannya mereka itu hendak disyafaatkan belaka yakni diminta beri kelepasan percuma sahaja, bukan sebab kelayakan dan amal mereka sendiri, hanya sebab mereka itu umatnya? Firman Tuhan kepadanya (*Afaman haqqa alaihi kalimatul al-'azab afaunta tangizuman fi an-nar?* Surah Az-Zumar 19) ertiinya “Apa! Adakah orang yang telah terhak kepadanya hukum seksa itu (orang baik)? Adakah engku hendak menyelamatkan (melepaskan) orang yang dalam neraka?... dan lagi firman-Nya (*QuliLlah as-shafa'atu jami'a*: Surat Az-Zumar 44) ertiinya “katalah (hai Muhammad): Kepada Allah sahaja terpunya segala syafaat semuanya.”

Fikiran berharapkan kelepasan dan keselamatan akhirat dengan menerusi penebusan dan pertolongan daripada orang lain sahaja ini ialah fikiran yang terutama dipercayakan oleh orang-orang Kristian sebagai

ajaran agama mereka. Mereka beriktikad bahawa Nabi Isa yang dikata mereka “anak Allah” itu telah dizahirkan ke dunia mengambil sifat manusia dan kemudian dibunuh oleh musuhnya di atas kayu salib ialah kerana menebus dosa segala orang yang beriman akan dia!! Beginilah pegangan Kristian yang diajarkan oleh ahli-ahli gereja daripada segala mazhab sungguhpun dalam kehidupan hari-hari orang-orang Kristian tidak mengikut akan ajaran itu. Mereka bekerja, berusaha dan beramal dengan sekutu-kuatnya bagi kejayaan mereka di dunia, dan hanya untuk mendapat kelepasan di akhirat sahaja mereka berpegang kepada iktitikad “penebusan” itu. Adapun agama Islam mengajar pengikut-pengikutnya suruh amal dan bekerja dan bergantung kepada diri sendiri bukan sahaja bagi mendapat kejayaan di dunia tetapi bagi mendapat kejayaan di akhirat pun begitu juga.

Pendek kata menurut ajaran Islam tiap-tiap seorang diwajibkan hendaklah beramal, bekerja, berusaha dan berjuang (berjihad) sendiri dengan segala kebolehan dan tenaganya jika hendak mendapat kejayaan baik di dunia atau akhirat maka yang demikian ialah ertiinya bergantung kepada diri sendiri dan tidak berharap kepada pertolongan orang

(bersambung)

QADA' DAN QADAR

Di dalam masa “ranting” Muhammadiyah cabang Siring Agung mengadakan mesyuarat am di Kampung Karang Agung, daerah Pagar Gunung di dalam sebuah masjid di kampung itu maka apabila persidangan hampir tamat salah seorang yang hadir disitu bernama si Alif yang berumur 80 tahun tampil ke hadapan meminta supaya dibenarkan ia bercakap. Permintaannya itu telah diterima oleh pengerusi.

Orang tua ini bangun dan diberi sebuah kerusi untuk berpegang kemudian mulai memberi ucapan dengan panjang lebar mengupas soal rukun iman yang enam itu. Apabila sampai ucapannya kepada “kita wajib percaya untung baik dan untung jahat itu ialah daripada Allah” – setelah sampai kepada kalimah Allah maka orang tua itu nampaknya seolah-olah mundur ke belakang berserta kerusi yang dipegang olehnya. Orang ramai terkejut lalu berhampiran di situ memegangnya serta direbahkan ke lantai dan kesudahannya orang tua itu menghembuskan nafas yang terakhir. Inna liLlah wa inna ilaihi raji'un. Mudah mudahan amal orang tua itu dikabulkan oleh Allah Subhanahu wa Taala dan dihapuskan segala dosanya amin – dipetik daripada Suara Muhammadiyah.